

16/09/1998

Pelancong Singapura tetap datang

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerajaan Singapura tidak boleh menghalang rakyatnya melancong ke negara ini, walaupun pelbagai isu dan tuduhan dilemparkan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew kepada negara ini, sejak beberapa bulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, Datuk Ibrahim Awang, berkata rakyat republik itu tetap memilih Malaysia sebagai destinasi utama mereka.

Mengikut laporan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Wilayah Pantai Timur, katanya, dalam tempoh enam bulan tahun ini, hampir 30 peratus pelancong yang melawat negeri ini ialah penduduk republik itu.

"Pelancong dari republik itu datang secara berkumpulan dan memilih menginap di chalet di pulau peranginan di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Festival Terengganu di Pantai Batu Burok, di sini, malam tadi.

Beliau mengulas mengenai kedatangan pelancong Singapura sejak pelbagai tuduhan, isu dan tindakan ditimbulkan bekas Perdana Menteri republik itu.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua Dewan Undangan negeri, Datuk Abdul Rahman Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Kebajikan Sosial dan Perpaduan, Engku Bijaya Sura Syed Omar Mohamad.

Sehubungan itu, katanya, penduduk di negeri ini diminta terus memberi layanan baik kepada pelancong negara itu tanpa menghiraukan krisis yang sengaja ditimbulkan Lee.

"Biarlah segala tindakan yang sengaja diadakan Kerajaan Singapura diselesaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad serta menteri Kabinet lain," katanya.

Mengenai Festival Terengganu, beliau berkata, sejak Jumaat lalu, lebih 75,000 pengunjung terutama pelancong tempatan dan lebih 3,000 pelancong dari Singapura melawat dan membeli barangan kraftangan.

(END)